



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PAHANG

**PEKELILING REKTOR**

Bilangan 07 Tahun 2017

PERATURAN BERKENDERAAN DI KOLEJ KEDIAMAN

**LARANGAN MEMBAWA KENDERAAN**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG

KAMPUS RAUB

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini adalah bertujuan **melarang** para pelajar yang diberi tempat tinggal di kolej-kolej kediaman untuk membawa kenderaan ke dalam kampus selaras dengan **Pekeliling Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni Bil. 2 Tahun 2010**.

**LATAR BELAKANG**

2. Merujuk kepada **Pekeliling Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni Bilangan 2 Tahun 2010** bertarikh 9 Mac 2010 dan semua pelajar adalah **TIDAK DIBENARKAN** membawa kenderaan kecuali **MOTORSIKAL** bagi pelajar **SEMESTER 3 DAN KE ATAS SAHAJA** dengan kuasa **TIDAK MELEBIHI 125cc** serta telah mendapat kebenaran dan mendapat pelekat kenderaan dari Pejabat Polis Bantuan UiTM.

3. Pelajar juga adalah tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di bahu jalan di luar kampus selaras dengan Peraturan 12(4), **Peraturan Lalulintas 1959 LN166/59**.

**TUJUAN PELAKSANAAN**

4. Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk **melarang** semua pelajar daripada membawa kenderaan kecuali motorsikal dengan kuasa tidak melebihi 125cc ke dalam kampus.

Larangan ini adalah disebabkan :

5.1 Para pelajar yang diberi tempat tinggal di kolej- kolej kediaman adalah **TIDAK** dibenarkan membawa kenderaan ke kampus kecuali motorsikal dengan kuasa tidak melebihi 125cc.

5.2 Jarak kemudahan kolej kediaman dan bangunan akademik adalah terlalu dekat dan kerana itu penggunaan kenderaan adalah tidak perlu.

5.3 Kebenaran membawa kenderaan ke dalam kampus hanya diberikan kepada pelajar yang tinggal di luar kampus (*Non Resident Student*).

5.4 Ruang parkir yang ada di dalam kampus adalah amat terhad untuk kegunaan program Universiti dan program aktiviti pelajar.

#### **PEMATUHAN PERATURAN**

6. Sekiranya pelajar ingkar arahan tersebut, pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang termaktub dibawah Akta 174.

7. Pelajar juga adalah dilarang untuk tidak meletakkan kenderaan di bahu jalan di luar kampus kerana ia menjadi satu kesalahan dibawah **Peraturan 12(4), Peraturan Lalulintas 1959 LN166/59.**

8. Pihak UiTM tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kesalahan lalulintas di luar kampus yang dilakukan oleh pelajar. Pihak UiTM juga tidak akan menanggung sebarang liabiliti di atas ketidakpatuhan pelajar berkaitan dengan pelanggaran mana-mana peruntukan yang termaktub di bawah mana-mana akta di dalam Malaysia dan apa jua liabiliti yang berkaitan dengannya.

9. Semua pelajar adalah diarahkan untuk mematuhi peraturan ini .

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

10. Pekeliling ini dikeluarkan pada 19 Mei 2017.

#### **TARIKH KUATKUASA**

11. Tarikh ini berkuatkuasa pada 19 Mei 2017.

#### **PEMAKAIAN**

12. Pekeliling ini terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Raub.



**PROF. DR. MOHD NAZIP BIN SURATMAN**  
Rektor

Dikelilingkan Kepada:

- i. Semua Pelajar
- ii. Semua Ketua Bahagian/Unit

Bil. Fail : 100-UiTMKPH (PT. 6/7/1)  
Tarikh : 19 Mei 2017